



PAREMETER PEMATUHAN SYARIAH SKIM KUTU EMAS

PRODUCT

ID 110

Group member

Muhamad Zuhaili bin Saiman


ABSTRACT

Parameter Pematuhan Syariah Skim Kutu Emas merupakan satu model parameter yang mengandungi inovasi panduan pematuhan syariah berkaitan urusniaga yang melibatkan transaksi jual beli emas menerusi skim kutu emas. Ini kerana terdapat isu syariah yang mesti diperhalusi dalam skim kutu emas ditambah lagi parameter pembelian item *ribawi* mestilah bersifat tunai dan tidak boleh ada unsur bertangguh.. Model parameter ini membantu para peserta yang terlibat dengan skim kutu emas ini menjalani aktiviti skim kutu emas yang patuh syariah kerana emas merupakan barangan ribawi yang lebih ketat garis panduan urusniaganya. Urusniaga emas sekarang semakin mendapat perhatian kerana sejarah penggunaan dinar emas di samping juga kelebihan emas yang kalis inflasi, tidak seperti wang fiat. Sehubungan itu, parameter ini akan membantu orang ramai untuk lebih mudah mendapatkan emas menerusi skim kutu emas dengan konsep bantu-membantu dari sudut kewangan kalangan peserta yang terlibat. Kesan kepada sosio ekonomi ialah membuka lebih ruang pasaran emas kepada orang ramai untuk membeli dan menyimpan wang dalam bentuk emas.

INTRODUCTION

Pengamalan skim kutu secara individu berkumpulan terus berlaku dalam kalangan masyarakat namun bukan atas nama “perniagaan” atau juga pertubuhan. Ia lebih kepada penyertaan sukarela menerusi jaringan sosial masyarakat sama ada secara berkala bagi tujuan umum iaitu membantu kewangan atau secara khusus bagi mendapatkan sesuatu tujuan barangan yang ingin dibeli seperti kutu untuk membeli perabot dan sebagainya. Skim kutu sama ada secara tujuan khusus atau umum terus mendapat tarikan memandangkan ia merupakan salah satu alternatif bagi saling membantu antara satu sama lain antara ahli yang terlibat.


Dan terdapat juga skim kutu yang dibuat secara khusus dalam urusniaga emas fizikal iaitu skim kutu emas. Skim kutu emas sama sahaja sebagaimana skim kutu yang umum tetapi mempunyai tujuan khusus iaitu duit terkumpul digunakan bagi membeli emas. Dan terdapat juga syarat dalam skim kutu emas iaitu bayaran yang terkumpul tidak diberikan dalam bentuk wang Ringgit Malaysia (RM) tetapi dalam bentuk emas yang telah ditukar.



PRODUCT DESCRIPTION/ INNOVATION IN BRIEF

Bagi skim kutu emas pula ia tetap merupakan akad yang terbina menerusi akad hutang. Sehubungan itu, apa yang berkaitan dengan akad hutang mestilah dipelihara agar tidak wujud sebarang unsur yang membawa kepada perkara yang diharamkan oleh syarak. Ditambah pula syarat emas dalam skim kutu emas ini, maka perlulah diketahui urusniaga yang melibatkan emas iaitu item *ribawi* mempunyai garis panduan yang khusus berbanding urusniaga umum yang tidak melibatkan item *ribawi*. Asasnya dalam urusniaga atau pelaburan emas mestilah berlakunya urusniaga tersebut dalam keadaan tunai (lani) dan tidak berlaku pertambahan ke atas pertukaran item ribawi yang sama jenis. Analisis isu syariah yang wujud dalam skim kutu emas ini, pengkaji membentuk satu parameter yang memenuhi karakter (*takyif*) fiqh yang mempunyai sebanyak enam perkara iaitu :

1. Skim kutu emas ialah gabungan kutu wang dan syarat tujuan membeli emas.
2. Asas akad skim kutu emas adalah akad hutang.
3. Perubahan nilai boleh berubah setelah tamat tempoh pusingan.
4. Syarat mestilah bersifat umum dan mendahului akad.
5. Tidak boleh wujud orientasi keuntungan.
6. Ahli yang terlibat mestilah dipercayai, elak wujud penipuan.



SHARIAH COMPLIANCES

SIGNIFICANCES

Skim kutu emas antara salah satu mekanisme dalam membantu orang ramai dapat memiliki emas dalam kuantiti atau timbangan yang disasarkan. Menerusi Parameter Pematuhan Syariah Skim Kutu Emas ini isu-isu yang berlaku dapat diselesaikan mengikut garis panduan syariah dan memberikan manfaat kepada orang ramai khususnya umat Islam untuk memiliki emas sama ada bagi tujuan simpanan, pelaburan dan koleksi peribadi.

Kepentingan parameter ini adalah bagi tujuan penambahbaikan ini agar memastikan skim kutu emas ini mematuhi karakter (*takyif*) fiqh di samping memenuhi hasrat asas pengumpulan wang menerusi skim kutu dalam membantu ahli yang terlibat di antara satu sama lain. Parameter ini juga akan memastikan sektor kewangan Islam yang melibatkan urusniaga item *ribawi* iaitu emas lebih terjamin dengan prinsip syariah agar benar-benar kewangan Islam diangkat sebagai kewangan yang menjamin prinsip keadilan dalam urusniaga yang dilakukan

NOVELTY/ ORIGINALITY

AWARDS :: PUBLICATION :: PATTERNS

“LEADING INNOVATION”